

29/03/2001

Tabung Haji tidak minat beli AirAsia

KUALA LUMPUR, Rabu - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) tidak berhasrat membeli syarikat penerbangan tempatan, AirAsia, bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan haji dan umrahnya.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman, berkata Tabung Haji tidak pernah terlintas untuk membeli syarikat penerbangan itu berikutan ketiadaan kepakaran dalam menguruskannya.

"Menguruskan syarikat berkenaan adalah kerja besar dan kita tidak ada pakar untuk berbuat demikian," katanya yang menafikan desas-desus mengatakan Tabung Haji kini dalam proses perbincangan untuk membeli AirAsia.

Sebelum ini, Tabung Haji pernah dikaitkan dengan pembelian saham Penerbangan Malaysia (MAS) ketika ia merancang mengatasi masalah kekurangan pesawat, selain penangguhan dan kelewatan penerbangan berikutan masalah teknikal.

Sementara itu, Dr Abdul Hamid yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Tabung Haji bercadang menyambung kontrak dengan AirAsia bagi membawa jemaah haji ke Tanah Suci, musim depan.

"Besarnya kemungkinan Tabung Haji akan menyambung penyewaan pesawat AirAsia bagi tempoh setahun lagi," katanya.

(END)